



JPPM TEGAS TANGANI PENYELEWENGAN KEWANGAN PERTUBUHAN

PUTRAJAYA, 2 April – Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) menegaskan komitmennya dalam memastikan ketelusan serta pematuhan undang-undang dalam pengurusan pertubuhan di negara ini, kata Ketua Pengarahnya, Dato' Mohd Zulfikar bin Ahmad.

Beliau berkata, JPPM tidak akan berkompromi terhadap mana-mana pihak yang cuba menyeleweng atau mengemukakan maklumat tidak tepat, khususnya melibatkan pengurusan kewangan pertubuhan.

“Setiap pertubuhan berdaftar wajib mematuhi peruntukan undang-undang yang ditetapkan. JPPM akan terus mempergiat pemantauan dan penguatkuasaan bagi memastikan integriti kawal selia pertubuhan sentiasa terpelihara,” katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Dalam perkembangan berkaitan, seorang pengerusi sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di Kuala Lumpur mengaku tidak bersalah di Mahkamah Majistret di sini semalam atas pertuduhan mengemukakan Penyata Kewangan Tahunan yang mengelirukan dengan menyembunyikan perbelanjaan sebenar pertubuhan berkenaan.

Tertuduh, seorang perempuan tempatan berusia 57 tahun, didakwa melakukan kesalahan itu di Pejabat JPPM, Aras 9, Blok Setia Perkasa 7, Kompleks Setia Perkasa, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya kira-kira pukul 12 tengah hari pada 25 Mac lalu.

Siasatan yang dijalankan oleh Bahagian Penguatkuasaan JPPM di bawah pimpinan Superintenden Azmi bin Shukor mendapati tertuduh dipercayai menganjurkan sebuah ekspo pendidikan pada tahun 2024 menggunakan nama pertubuhan berkenaan, namun hasil keuntungan daripada penganjuran itu dimasukkan ke dalam akaun peribadi.

Menurut Mohd Zulfikar, tindakan sedemikian jelas melanggar prinsip tadbir urus yang baik dan boleh menjejaskan kepercayaan orang ramai terhadap pertubuhan.

“Perbuatan menyalahgunakan dana pertubuhan untuk kepentingan peribadi adalah satu kesalahan serius. Ia bukan sahaja melanggar undang-undang, malah mencemarkan reputasi sektor pertubuhan secara keseluruhan,” tegas beliau.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 54(a)(i) Akta Pertubuhan 1966 yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM5,000 atau penjara sehingga enam bulan atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Faizah Khalilah Zabri, manakala siasatan dijalankan oleh pegawai penyiasat, Inspektor Sivalingam a/l Sillappan dari JPPM.

Majistret, Ezrene Zakariah, membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM1,500 dengan seorang penjamin dan menetapkan 5 Mei ini sebagai tarikh sebutan semula kes.